




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 19 FEBRUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUBSIDI PENTERNAK AYAM TELUR DIKAJI SEMULA, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	SUBSIDI KEPADA PENTERNAK AYAM PENELUR DINILAI SEMULA, NASIONAL, BH AHAD -17	
3.	MAT SABU: SUBSIDY FOR EGG FARMERS WILL BE DISCUSSED IN JUN, NATION, CHINA PRESS -A3	
4.	EGG SUPPLY IS EXPECTED TO RETURN TO NORMAL IN THE NEAR FUTURE, NATION, SIN CHEW DAILY -5	
5.	K'JAAN AKAN KAJI SUBSIDI AYAM, TELUR JUNINI, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3	
6.	PROGRAM SMART SBB TINGKAT PENGETAHUAN BERAS DI SABAH, DAILY EKSPRESS -ONLINE	
7.	PERAK PIGS ALLOWED TO BE SHIPPED TO SELANGOR WITH CONDITIONS, NATION, SIN CHEW DAILY -10	
8.	PAMPASAN KEPADA PENTERNAK BABI TERJEJAS ASF DIBINCANG DALAM MASA TERDEKAT, UM -ONLINE	
9.	5 WARGA MYANMAR GUNA PUKAT TUNDA DITAHAN, NASIONAL, BH AHAD -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Subsidi penternak ayam telur dikaji semula		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	19 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	231,329
Page No	4	Readership	693,987
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN	AdValue	RM 8,527
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,581



# Subsidi penternak ayam, telur dikaji semula

Oleh SHAMSUL KAMAL  
AMARUDIN  
utusannews@mediamulia.com.my

**BAGAN DATUK:** Kerajaan akan mengkaji semula keperluan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan telur menjelang pertengahan tahun ini kerana ia melibatkan jumlah peruntukan yang besar.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sehingga kini jumlah subsidi yang diberikan kepada penternak tersebut sudah mencapai RM1.8 bilion dan dijangka melebihi RM2 bilion menjelang Jun ini.

"Subsidi ini kita berikan sehingga Jun dan menjelang bulan itu kita akan buat kajian sama ada

hendak teruskan subsidi atau ada cara lain yang perlu dibuat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Masyarakat Madani Perikanan Cukup dan Terjamin di Hutan Melintang di sini, semalam.

Bellau menjelaskan, kerajaan kini sedang berusaha menstabilkan harga ayam dan telur dan jika berjaya dilaksanakan maka tiada keperluan untuk memberi subsidi kepada penternak tersebut.

Mengenai tungutan orang ramai terhadap telur jenis Omega yang harganya lebih mahal dan banyak dijual di pasaran berbanding jenis biasa, Mohamad berkata, pengeluar telur jika boleh memang mahu menjual telur jenis itu kerana ia boleh

memberi sedikit keuntungan kepada mereka.

"Kita kena faham, satu membuktikan kehendak pengguna dan satu lagi kehendak pengeluar telur yang memang mengeluh mengenai harga makanan ayam, sebab itu kita beri subsidi kepada penternak kerana hendak seimbangkan harga."

"Bagaimanapun kita menggalakkan pengeluar jual semua jenis telur yang boleh kepada semua orang. Omega tetapi ada untuk yang mampu, tetapi telur yang gred biasa ini perlu diperbanyak," jelasnya.

Mengenai gesaan Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) agar kerajaan memastikan telur yang diimport dari India berkualiti dan tidak

busuk, beliau berkata, perkara itu akan diteliti oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Terdahulu, dalam ucapannya, Mohamad berkata, isu melibatkan harga ayam dan telur dapat diselesaikan sekiranya nilai matawang ringgit mengalami penaitan tahun ini kerana makanan ayam yang diimport seperti jagung dan kacang soya dapat dibeli pada harga lebih murah.

"Jagung yang digunakan adalah jenis hijau yang diimport dari Brazil serta Argentina, dan sekarang kita sedang mengusahakan teknologi untuk menghasilkan sendiri jagung jenis itu.

"Untuk kacang soya, sehingga kini belum ada teknologi yang membolehkannya ditanam di Malaysia," jelas Bellau.

Headline	Subsidi kepada penternak ayam penelur dinilai semula		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	19 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	17	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	453 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Muhamad Lokman Khairi	AdValue	RM 7,666
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,998



# Subsidi kepada penternak ayam penelur dinilai semula

Perbelanjaan cecah RM1.8b, langkah lain diambil jika harga import makanan ternakan lebih

Oleh Muhamad Lokman Khairi  
bhnews@bh.com.my

**Bagan Datuk:** Kerajaan akan menilai semula pemberian subsidi kepada penternak ayam penelur pada Jun ini berikutan perbelanjaannya sudah mencapai RM1.8 bilion, setakat ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kajian itu akan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bagi menilai, sama ada subsidi perlu dilanjutkan atau diambil langkah lain.

Katanya, subsidi berkenaan diberikan kepada golongan penternak supaya harga telur dapat diseimbangkan.

"Perbelanjaan subsidi akan melebihi RM2 bilion menjelang Jun. Jika harga import makanan ternakan lebih baik, maka wang itu lebih baik disalurkan kepada hal lain yang lebih memerlukan," katanya selepas merasmikan Program Malaysia Madani: Perlisanan Cukup dan Terjamin di Persatuan Nelayan Hilir Perak, Hutan Melintang dekat sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai usaha kerajaan bagi membantu golongan penternak menyelesaikan masalah kenaikan kos bahan makanan untuk ternakan yang mendorong kepada kekurangan pengeluaran telur ayam di pasaran tempatan.

## Periksa telur import

Ditanya mengenai gesaan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) bagi memeriksa telur import dari India, Mohamad berkata, pihak JPV sedang menjalankan pemeriksaan ke atas telur yang diimport bagi memastikan isi telur busuk dan rosak tidak berlaku.

Terdahulu, Ahli Parlimen Kota Raja itu melawat kilang pembuatan makanan hasil laut QL Food



Mohamad menyampaikan replika cek Bantuan Peralatan Keselamatan Nelayan kepada Setiausaha Koperasi Nelayan Hilir Perak, Kee Jeh Hai (kanan) di Bagan Datuk, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sdn Bhd dan jeti pendaratan ikan.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun dan Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Per-

ikanan Malaysia, Wan Muhammad Aznan Abdulrah.

Mohamad juga menyampaikan bantuan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PP-SPA) sebanyak RM265,661 kepada 28 penerima terkesan akibat bencana banjir hujung tahun lalu.

Beliau turut mengagihkan pe-

runtukan berjumlah RM2,515,000 kepada 3,320 penerima elauan nelayan darat melalui inisiatif Elauan Sarawak Hidup Nelayan Darat (ESHND) untuk memastikan kerjajaminan makanan dalam sektor perikanan darat.

Headline	Mat Sabu: Subsidy for egg farmers will be discussed in Jun		
MediaTitle	China Press		
Date	19 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	113 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,496
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,489



# 末沙布：尋方案穩定原料價 6月檢討蛋農補貼

（峇眼拿督18日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，政府将在6月重新检讨，是否继续给予鸡蛋生产商和鸡农补贴。

他说，目前总共发放18亿令吉的补贴予鸡蛋生产商和鸡农，预计补贴总额到了6月，将增至逾20亿令吉。

“我们到了6月会展开研究，探讨是否继续提供补贴，或是另寻方案确保稳定有关原料的价格。”

“这是我们正在研究的，如果价格已趋于稳定的话，



■莫哈末沙布

为何还需要补贴，可以把这笔钱（补贴）花在其他更需要的地方。”

莫哈末沙布今天在半港主持“昌明大马：保障渔业丰足”计划开幕后，在记者会这么指出。

此外，莫哈末沙布说，兽医局将详细检查从印度进口的鸡蛋，确保品质符合标准。

他是回应消费者协会联合会（FOMCA）副总秘书努阿希津呼吁农业部紧密监督从印度进口的鸡蛋，以防止劣质和过期的鸡蛋损害大马人民的健康。

Headline	Egg supply is expected to return to normal in the near future		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	19 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	5	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	122 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,103



（吉隆18日讯）国内贸易及生活消费部长拿督斯里沙拉胡丁表示，国内鸡蛋供应有望在近期内恢复正常。

“农业及粮食安全部有更多这方面详情，据我所知，鸡蛋供应会在近期内，或是斋戒月前恢复正常，如今鸡蛋供应链已趋向恢复稳定。”

他今午在美罗城的永昇超市为“爱心篮”物资收集计划推展礼后，在新闻发布会上受询及鸡蛋供应课题时，作出回应。

另外，沙拉胡丁指出，他今日拜会砂总理拿督巴丁宜阿邦佐哈里时，也讨论多项事务，包括汽油及煤气供应等。

“针对砂内陆地区的煤气供应，内贸部会设法改善不足之处。”

### 拟推出银行及保险优惠配套

另外，沙拉胡丁重申，“爱心菜单”（Menu Rahmah）计划在民间深受欢迎，政府不排除将类似倡议扩大至其他领域，包括银行及保险界。

他指出，本身会在近期内与国内银行及保险业者会面，讨论如何落实更

## 內貿部長：供應鏈漸穩 蛋供有望近期復常



沙拉胡丁（右三）召开新闻发布会。左一起为汉利集团董事黄国丰、迈汀（Mydin）集团董事经理拿督阿米尔阿里与内贸部副部长拿督罗兹雅，右一起为卓春莉及砂贸消局局长马修多米尼。（沈晓蓉摄）


多惠及人民的计划，包括推出特定配套或产品，让人民受益。

他也表示，“爱心菜单”属自愿性质，联邦政府没有强迫商家参与。

他补充，这项计划也没涉及政府的

任何开销，所有推出“爱心菜单”的商家都会获得内贸部及媒体的协助推广，鼓励消费者光顾，从而提高商家的生意额，政府也从中帮助中低收入群体，达致双赢。

Headline	K'jaan akan kaji subsidi ayam, telur Jun ini		
Media Title	Harian Ekspres (KK)		
Date	19 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	138 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 293
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 879



## K'jaan akan kaji subsidi ayam, telur Jun ini

**BAGAN DATUK:** Kerajaan akan mengkaji semula keperluan untuk meneruskan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan pengeluar telur pada Jun ini, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata setakat ini sebanyak RM1.8 billion subsidi telah diperuntukkan kepada penternak dan pengeluar terlibat dan ia dijangka meningkat melebihi RM2 billion sehingga Jun ini.

"Menjelang Jun kita akan buatkan kajian untuk teruskan subsidi atau kaedah lain bagi memastikan harga bahan mentah tersebut kembali stabil."

"Itu yang sedang kita kaji, kalau sudah stabil apa perlu lagi subsidi dan berbelanja wang (subsidi) itu boleh digunakan di tempat-tempat lain yang lebih memerlukan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Malaysia Madani: Perikanan Cukup dan Terjamin di Hutan Melintang di sini, Sabtu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata pihaknya meminta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) supaya melakukan pemeriksaan secara terperinci terhadap telur yang diimport dari India demi memastikan tahap kualitinya mencapai standard ditetapkan.

"JPV akan melakukan pemeriksaan segera dan sebarang maklum balas berkenaan perkara itu akan dilaporkan kepada kementerian," katanya.

Jumaat lalu, Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Pomca) dilapor menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAES) supaya sentiasa memastikan telur yang diimport dari India diperiksa dengan sewajarnya bagi mengelak penjualan telur tidak berkualiti dan telah tamat tempoh.

Terdahulu, Mohamad melakukan lawatan di QL Foods dan Leng Wah Fishery bagi melihat perkembangan operasi penghasilan produk makanan sumber laut. —Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2023	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

## Program SMART SBB tingkat pengeluaran beras di Sabah



CHAN melakukan gimik perasmian majlis Hari Pesawah 2023 di IADA.

**KOTA BELUD:** Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Persekutuan Malaysia (MAFS) bakal membantu meningkatkan pengeluaran beras di Sabah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata, ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan pesawah, malah meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras di negeri ini.

Menurut Chan, di bawah program SMART SBB, MAFS akan melibatkan diri dalam kerjasama strategik dengan syarikat terkemuka dalam sektor swasta.

“Dengan kerjasama syarikat-syarikat ini, pesawah tempatan akan meningkatkan hasil dan kualiti padi mereka, terutamanya jika dibandingkan dengan ketika mereka bercucuk tanam dan mengusahakan sawah sendirian. Syarikat-syarikat ini dijangka menyediakan jentera, seperti traktor, dan bantuan teknologi, seperti dron, untuk membantu pesawah menanam padi mengikut jadual kerja mereka.

“Melalui Program SMART SBB ini, pesawah akan dapat menguruskan sawah padi mereka secara berpasukan dengan lebih sistematik.

“Di peringkat nasional, sebanyak 27 syarikat telah menyertai program SMART SBB ini di 10 negeri dengan penyertaan seramai 5,000 pesawah dan lebih 11,000 hektar sawah.

“Di Kota Belud, seramai 40 pesawah (Skim Jawi-Jawi) telah mengambil bahagian dan hasilnya baik dengan purata hasil padi meningkat daripada 2.6 tan metrik sehektar kepada 4.15 tan metrik sehektar,” kata Chan.

Beliau seterusnya berkata program SMART SBB dalam Skim Jawi-Jawi telah mencapai jumlah keluasan 126.78 hektar pada 2023 – ini merupakan peningkatan sebanyak 153.6 peratus berbanding keluasan 50 hektar pada 2022.

“Dilaporkan juga pendapatan pesawah daripada hasil tuaian padi sekitar RM2,000 pada musim menuai sebelum ini, meningkat kepada RM6,000 pada musim ini.

“Berdasarkan rekod semasa, tahap sara diri beras (SSL) Sabah setakat 2021, hanya 22.8 peratus, manakala purata nasional ialah 65 peratus,” katanya.

Chan berkata, kerajaan berhasrat mencapai sasaran 75 peratus tahap sara diri beras (SSL) menjelang 2025 seperti yang digariskan di bawah Dasar Agro-Makanan Negara (DAN) 2.0 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Seperti yang dapat dilihat, kita masih ada banyak kerja yang perlu dilakukan bagi membolehkan Sabah mencapai sasaran di bawah DAN 2.0.


"Saya berharap kerjasama dengan syarikat-syarikat terkemuka dalam sektor swasta ini di bawah Program SMART SBB akan menjadi titik permulaan kepada perubahan dalam landskap industri padi dan beras tempatan di Sabah," kata Chan.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja dua hari ke Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud pada Khamis.

Dalam lawatan kerja itu, Chan melawat Sri Dusun, kilang beras terbesar di Sabah dan juga Gudang Simpanan Beras Bernas.

Turut hadir semasa lawatan Chan adalah Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras MAFS Azman Mahmood, Pengarah IADA Kota Belud Norfaine Sameun dan ketua-ketua agensi MAFS lain di Sabah.

Headline	Perak pigs allowed to be shipped to Selangor with conditions		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	19 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	10	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	196 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,017



**馬來西亞雜貨商總會**  
 FEDERATION OF SUNDRE GOODS MERCHANTS ASSOCIATIONS OF MALAYSIA  
**2023年新春聯歡晚宴**  
 馬來西亞  
 杂货总商会赠送  
 水果礼篮给陈泓  
 缪(中), 左起  
 为钟志海及方志  
 民; 右起为马杰  
 顺及赖瑞林。  
 (陈启基摄)

## 陳泓縵:與獸醫局達初步共識 有條件允霹生豬運雪

(吉隆坡18日讯)农业及粮食安全部副部长陈泓縵指出, 他已在上周三与霹雳州和雪州兽医局达成初步共识, 有条件解除生猪跨州禁令。

他今晚出席马来西亚杂货商总会新春晚宴致词时表示, 雪州兽医局有条件接受霹雳州生猪运往万挠屠宰场, 以解决雪州猪荒的问题。

“但是我们还在等下个星期霹雳州兽医局的文告, 就好像当初冠病疫情一样, 在放行每只生猪之前, 都必须确保它是健康的。”

### 卢成全盼尽快晤农粮部长

另外, 中总总会长丹斯里卢成全也希望能够尽快与农粮部长见面, 以确保马来西亚食品生产的可用性、可负担性、安全性和质量, 以及可持续性。

卢成全建议政府, 应提高农业生产效率、提供明确的农业地使用权、加强粮食储备、改善物流和配送系统以及增加国际

合作。

马来西亚杂货总会总会长方志民也提到, 我国近年来经历了四战, 包括粮食之战、通胀之战、加息之战以及政治之战, 导致杂货商元气大伤。

“面对强大的连锁便利店竞争, 很多杂货商跑来跟我说, 我左边开了Speed99, 右边开了KK Mart, 我的生意要怎么做?”

“我想回答他们说, 我们做的是人情味。”

### 方志民:杂货生意仍可为

他表示, 很多人觉得杂货生意难做, 但他不这么认为。

“若杂货店难经营, Speed99 和 KK Mart也不会开到600到2000多间分行。”

出席者包括马来西亚杂货总会署理会长兼森美兰杂货公会会长钟志海、马来西亚杂货总会总务兼霹雳杂货会会长马杰顺, 以及马来西亚杂货总会副会长兼马六甲杂货零售商公会会长赖瑞林。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2023	UTUSAN ONLINE MALAYSIA		

## Pampasan kepada penternak babi terjejas ASF dibincang dalam masa terdekat



Afrika (ASF) dalam masa terdekat.

CHAN Foong Hin (baju biru) dan Chow Kon Yeow ketika melawat Pusat Operasi ASF dekat Balai Raya Perkampungan Valdor, Nibong Tebal, Pulau Pinang hari ini.

NIBONG TEBAL: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dijangka berbincang dengan Kementerian Kewangan berhubung isu pampasan yang akan diberikan kepada penternak babi di negeri ini susulan penularan wabak penyakit demam babi

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, hasil perbincangan itu kemudian akan dikeluarkan dalam bentuk kenyataan rasmi untuk diuar-uarkan.

Menurut beliau, selain isu pampasan kepada penternak babi, beberapa isu lain yang berkaitan akan diputuskan dalam mesyuarat yang berikutnya.

“Ada (persoalan) yang sudah kita jawab, ada yang belum. Ini termasuk permintaan untuk memasuki fasa endemik untuk ASF di Pulau Pinang.

“Itu (permintaan untuk memasuki fasa endemik) saya tidak perlu jawab kerana ia melibatkan pertukaran dan perubahan dasar. Lagipun, ia bukan isu yang berlaku di Pulau Pinang sahaja, tetapi isu Malaysia. Bagaimana cara kita untuk kita menangani isu perebakkan ASF ini dan sebagainya.

“Jadi, saya akan merujuk hal ini dalam mesyuarat-mesyuarat yang seterusnya dan kita harap akan ada juga ‘kata putus’ (mengenai perkara itu) dalam masa yang terdekat ini,” katanya.

Terdahulu, beliau mengadakan sesi dialog bersama penduduk Kampung Selamat di Tasek Gelugor, dekat sini berhubung isu yang sama selain melawat Pusat Operasi ASF dekat Balai Raya Perkampungan Valdor di sini, hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow serta Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab.


Ads by [Kiosked](#)

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu, kerajaan negeri bersedia menimbang keperluan untuk menukar guna tanah yang digunakan untuk penternakan babi kepada tanah industri bergantung kepada kesesuaian.

Ini kerana katanya, terdapat permintaan daripada kalangan penternak haiwan itu yang enggan meneruskan penternakan tersebut atas pelbagai sebab termasuk menanggung kerugian yang tinggi akibat penularan ASF.

**"Isu ini (pertukaran tanah) akan menyusul selepas wabak ini (selesai) diuruskan oleh pihak tertentu,"**  
katanya. – UTUSAN

Headline	5 warga Myanmar guna pukat tunda ditahan		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	19 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	19	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,777
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,331



## 5 warga Myanmar guna pukat tunda ditahan

**Georgetown:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang, kelmarin, menahan bot nelayan tempatan yang dikendall lima kru warga Myanmar di perairan ini, kerana tiada pengenalan diri dan permit sah bagi menangkap ikan.

Mereka ditahan agensi berkenaan ketika melakukan rondaan rutin Op Pertiwi dan Op Tanjung pada kedudukan 42.8 batu nautika barat laut Pulau Kendi, di sini, jam 10.30 pagi.

Pengarah Maritim Malaysia Negeri, Kepsten Maritim Abd Razak Mohamed, berkata terdahulu bot nelayan kelas C itu dikesan melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda.

Katanya, pemeriksaan mendapati bot berkenaan dikendali tekong dan empat kru warga Myanmar berusia antara 28 hingga 42 tahun.

"Selain tiada surat kelulusan bertulis atau permit kerja yang sah, mereka juga gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri ketika diminta.

"Mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen, iaitu pemilik bot menggunakan warga asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia," katanya menerusi kenyataan, semalam.